

BERITA HARIAN

DATE: 13 / 10 / 2009

# Dr Mahathir harap Najib campur tangan atasi krisis

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, Datuk Seri Najib Razak selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN), perlu campur tangan membantu menyelesaikan kemelut kepimpinan MCA daripada terus berlarutan.

Beliau berkata, Perdana Menteri wajar berbuat demikian atas kapasitinya sebagai pengerusi BN dan bukan sebagai Presiden Umno.

Katanya, beliau sendiri

pernah bertindak sedemikian (campur tangan) ketika menjadi Pengerusi BN tetapi dilakukan menerusi belah-tang tabir.

“Umno tidak patut campur tangan, tapi BN patut campur tangan. Saya pernah campur tangan, tapi secara senyap-senyap dari belakang tabir, bukan terbuka. Kalau tidak orang sensitif sikit,” katanya pada sidang media selepas Pelancaran Buku Amanat Presiden Umno 1946-

2009 oleh Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, di sini semalam.

Dr Mahathir diminta mengulas sama ada Umno wajar campur tangan menyelesaikan krisis kepimpinan MCA yang boleh menjejaskan kestabilan parti komponen lain jika tidak ditangani segera.

Ditanya sama ada Presiden MCA, Datuk Seri Ong Tee Keat wajar mengundurkan diri berikutan usul tidak percaya terhadapnya diluluskan pada me-

syuarat agung luar biasa parti itu Sabtu lalu, Dr Mahathir berkata ia langkah wajar.

“Saya sebut Datuk Onn Jaafar (yang berundur diri sebagai Presiden apabila pandangannya tidak lagi diterima oleh Umno), kalau kita nak ambil iktibar daripada itu bolehlah. Tapi bukan Datuk Ong Tee Keat saja, yang seorang lagi pun kena (undur diri),” katanya.

Mengulas lanjut mengenai pergolakan dalaman MCA itu,

Dr Mahathir berkata parti itu tidak mengalami krisis ketika beliau meninggalkannya.

“Saya serah pada dia (Presiden MCA) satu badan yang solid, sebab itu kita menang pada 2004 (pilihan raya umum).

“Saya pernah nasihat sejak awal-awal lagi sebelum pemilihan kerana saya pernah mengalami masalah yang sama bila dicabar yang menyebabkan parti terpecah dua,” katanya.

BH-13/10/2009